

# **MAJLIS SOLAT JUMAAT DAN SANTAPAN TENGAHARI SEMPENA KEBERANGKATAN DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK, TIMBALAN YANG DI- PERTUAN AGONG**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4247-majlis-solat-jumaat-dan-santapan-tengahari-sempena-keberangkatan-dymm-paduka-seri-sultan-perak-timbalan-yang-di-pertuan-agong](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4247-majlis-solat-jumaat-dan-santapan-tengahari-sempena-keberangkatan-dymm-paduka-seri-sultan-perak-timbalan-yang-di-pertuan-agong)

KUALA LUMPUR, 14 Dis 18 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzudin Shah Ibni Almahrum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, Timbalan Yang di-Pertuan Agong berkenan berangkat menunaikan Solat Jumaat bersama-sama warga ATM bertempat di Masjid Khalid Al-Walid, KEMENTERAH hari ini.

Kebarangkatan tiba Baginda telah disambut oleh Pimpinan Tertinggi Mindef dan ATM. Turut sama adalah Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Affendi bin Buang TUDM.

Sebaik sahaja selesai menunaikan Solat Jumaat, DYMM Paduka Seri Sultan Perak turut berkenan berangkat ke Wisma Perwira ATM bagi santapan tengahari bersama Kepimpinan Tertinggi Mindef dan ATM.

